

Fenomena karya tiada jiwa

Kosmo m/s 8 1.4.07

“BARANG kali karya tempatan tiada jiwa, sebab itu ia masih terus di takuk lama.”

Begitulah komen spontan Pengarah Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Zulkifli Salleh ketika ditemui *KOSMO!* Ahad di pejabatnya.

Menurut beliau, perbandingan mutu penghasilan buku tempatan masih jauh ketinggalan walaupun mencatatkan peningkatan sebanyak 14,563 judul diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 2006.

“Semua orang mengakui bahasa Melayu adalah unik dan indah namun masih ramai penulis negara kita gagal memanfaatkan

penggunaan bahasa ini.

“Malah bahasa meleret-leret dan membosankan membuatkan penggemar buku tidak menemui kepuasan sebenar berbanding buku luar negara,” katanya.

Justeru industri buku terus dihipit dilema di samping pelaksanaan Dasar Buku Negara kurang ‘diambil perhatian’ oleh se-setengah pihak.

“Karya-karya kreatif pula banyak menggunakan elemen yang sama hingga menyebabkan pembaca sudah dapat meneka jalan cerita.

“Penulisan ilmiah pula ‘membosankan’ sebab sukar difahami dan condong kepada

sebelah pihak,” ujarnya.

Disebabkan inilah, karya-karya yang dihasilkan perlu mencari satu pendekatan baru untuk memberi nafas baru dalam dunia penerbitan buku.

Zulkifli turut menyarankan ruangan ulasan buku harus dibanyakkan untuk memberi maklumat kepada pembaca mengenai buku di pasaran.

“Sepatutnya perlu ada kolum yang lebih luas dalam mengulas buku dan dilakukan secara saksama,” katanya.

Malah, ulasan buku yang dibuat juga harus disampaikan secara adil dan tepat kerana ia amat membantu perkembangan pembelian buku dan seterusnya meningkatkan industri ini.

FOKUS

